

Publication	bernama.com	Section /Page No.	Online
Date	Fri, 21 st Oct 2016	Lead Article	-
Headline	Najib Bentang Bajet Pro-Bisnes Perkukuh Ekonomi		



BERNAMA

Najib Bentang Bajet Pro-Bisnes Perkukuh Ekonomi



Oleh Azlina Aziz & Mohd Iswandi Kasan Anuar

KUALA LUMPUR – Kerajaan menyediakan rangsangan besar untuk pelaburan swasta dan perusahaan kecil dan sederhana menerusi strategi properniagaan dalam Bajet 2017, yang jelas bertujuan meningkatkan keyakinan pelabur dan memacu ekonomi ke tahap yang lebih tinggi meskipun berhadapan halangan luar.

Menerusi langkah yang menggalakkan permintaan domestik, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pelaburan swasta akan berkembang 8.1 peratus kepada RM230 bilion pada 2017, hasil daripada pelbagai projek infrastruktur yang akan memacu kerancangan aktiviti pembinaan yang memanfaatkan kontraktor.

Dalam pembentangan bajet di Dewan Rakyat hari ini, beliau mengumumkan insentif bagi meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, memperkasa usahawan Bumiputera dan memajukan lagi lima koridor ekonomi negara.

Najib yang juga Menteri Kewangan, memperuntukkan RM50 juta untuk penyelidikan saintifik bagi meningkatkan kualiti produk minyak sawit dan RM30 juta untuk

penanaman semula, sekali gus menempatkan kedudukan tanaman emas itu sebagai komoditi utama eksport.

Dalam menyediakan persekitaran mesra perniagaan, Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa penyedia perkhidmatan jalur lebar, akan menawarkan kelajuan jalur lebar yang lebih pantas pada harga sama, yang akan memudahkan perdagangan antarabangsa dan menggalakkan inovasi berasaskan Internet.

Dalam memastikan momentum ekonomi terus berkembang dan merangsang pelaburan swasta, Najib mencadangkan projek infrastruktur bernilai berbilion ringgit meliputi semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Antara projek infrastruktur utama ialah menaik taraf Jalan Lok Kawi – Penglat – Papar, Sabah; Jalan Kampung Keruak – Gua Musang – Kuala Berang; pembinaan Jambatan Batang Lupar, Sri Aman; dan pembinaan semula Projek Stesen Jana Kuasa Sandakan.

Beliau juga mengumumkan bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang menyelamatkan kerajaan ekoran kejatuhan harga minyak mentah, berjaya mengumpul RM30 bilion sehingga 19 Okt, 2016.

Najib juga berkata sejumlah RM2.1 bilion akan diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur dan sosial ekonomi di lima koridor utama iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan diperuntukkan RM522 juta, dengan penekanan diberikan ke atas aktiviti kimia, elektrik dan elektronik serta R&D.

Bajet bertema ‘Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh, berjumlah RM260.8 bilion, meningkat 3.4 peratus berbanding Bajet 2016 diubah suai.

Pembentangan ini adalah bajet kelapan Najib di Dewan Rakyat sejak menjadi Perdana Menteri pada 2009.

Daripada keseluruhan peruntukan, RM46 bilion disediakan untuk perbelanjaan pembangunan, yang tidak termasuk simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.

“Kutipan hasil pada 2017 dijangka meningkat tiga peratus kepada RM219.7 bilion.

“Kerajaan dijangka mencapai sasaran defisit fiskal tiga peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada 2017, berbanding 3.1 peratus tahun ini,” katanya.

Bajet juga menumpukan kepada pengurusan kewangan berhemat untuk mengurangkan defisit fiskal dan mengekalkan kedudukan global Malaysia dalam kalangan agensi penarafan kredit antarabangsa.

“Fitch memberi penafaran ‘A-’ kepada Malaysia berbanding Filipina (BBB-), Thailand (BBB+) dan Vietnam (BB-).

“Penarafan kita sama dengan ekonomi maju dan lebih besar seperti Korea Selatan (AA-), China (A+), Taiwan (A+), Jepun (A),” katanya.

Najib juga menyediakan dana mencukupi untuk mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi dan langkah-langkah bagi mengurangkan kesan keadaan luaran yang tidak menentu.

Kerajaan, katanya, juga menaik taraf prasarana di kawasan luar bandar menerusi pelbagai langkah termasuk pelaksanaan projek Laluan Kereta Api Pantai Timur baharu yang menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur, secara berperingkat.

Laluan kereta api sejauh 600 kilometer itu menghubungkan bandar-bandar seperti Pelabuhan Klang, ITT Gombak, Bentong, Mentakab, Kuantan, Kemaman, Kerteh, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat, dengan anggaran kos sebanyak RM55 bilion.

Kerajaan juga akan mempercepatkan pelaksanaan Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak, yang bukan sahaja akan membantu komunikasi tetapi juga membuka peluang ekonomi dan aktiviti.

Sejumlah RM100 juta diperuntukkan untuk membaik pulih landasan kereta api Pantai Timur jajaran Gua Musang-Tumpat yang mengalami kerosakan akibat banjir pada tahun lepas.

Dalam usaha meningkatkan kekerapan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) bagi laluan Johor Bahru hingga Padang Besar, kerajaan mengusulkan peruntukan sebanyak RM1.1 bilion.

Bagi mencergaskan pasaran modal domestik, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan akan memperuntukkan dana khas sehingga RM3 bilion kepada pengurus dana berlesen di bawah Suruhanjaya Sekuriti untuk melabur dalam syarikat bermodal kecil dan sederhana berpotensi.

Sebagai tambahan, Institut Penyelidikan Pasaran Modal akan ditubuhkan dengan dana permulaan RM75 juta, disediakan melalui Dana Pembangunan Pasaran Modal.

Kerajaan turut mengusulkan sejumlah RM130 juta melalui Tabung Promosi Eksport Negara untuk program penggalakkan eksport perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

yang dilaksanakan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan SME Corp.

EXIM Bank akan menyediakan pembiayaan berjumlah RM200 juta dan kemudahan kredit insurans dengan nilai perlindungan sehingga RM1 bilion kepada PKS.

Sejumlah RM286 juta disediakan untuk meningkatkan pengeluaran komoditi eksport sawit, getah, koko dan lada.

Sambil menekankan kepentingan peranan PKS, Najib berkata, kerajaan telah mengumumkan yang tahun depan akan menjadi Tahun Penggalakan Syarikat Baru Bermula dan PKS sejajar dengan peranan PKS yang memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan dan pasaran buruh negara.

“Bagi menggalakkan pembangunan PKS, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM75 juta bagi melaksanakan pelbagai program di bawah Pelan Induk PKS.

“Jaminan sehingga RM15 bilion yang disediakan di bawah pelbagai skim Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) akan dilanjutkan sehingga 2025,” kata Najib.

Bagi mencergaskan syarikat baru bermula, sejumlah RM200 juta daripada Dana Skim Jaminan Modal Kerja akan diperuntukkan secara khusus untuk syarikat baru bermula.

Bagi memperkasa agenda Bumiputera, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta kepada SME Bank bagi meningkatkan peluang kepada usahawan Bumiputera.

Beliau berkata RM200 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Usahawan Nasional Bhd untuk melaksanakan Program Pembiayaan Keusahawanan dan Premis Perniagaan, RM120 juta kepada MARA bagi pelbagai program keusahawanan, antaranya perusahaan industri halal, pembangunan usahawan belia dan program latihan bersepadu keusahawanan.

Beliau turut mencadangkan Dana Mudahcara berjumlah RM500 juta kepada **Unit Peneraju Agenda Bumiputera atau TERAJU** untuk membantu syarikat Bumiputera mengembangkan perniagaan mereka atau memulakan perniagaan baharu.

Sebanyak RM100 juta untuk Tabung Eksport di bawah TERAJU diperuntukkan untuk syarikat Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa.

“Agenda pemerikasaan Melayu dan Bumiputera akan terus diperjuangkan,” kata Najib.

Dalam pada itu, Najib berkata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menyediakan RM1 bilion untuk memastikan liputan dan kualiti jalur lebar



di seluruh negara mencapai 20 megabit sesaat dalam usaha meningkatkan saling hubungan digital. – BERNAMA